

04/08/2000

Mesyuarat MT dijadual di PWTC

KUALA LUMPUR, Khamis - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno akan datang dijadual diadakan di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada 26 Ogos ini.

Mesyuarat itu sepatutnya diadakan di luar ibu negara kerana mesyuarat lalu diadakan di sini.

Mesyuarat MT Umno yang pertama di luar Kuala Lumpur diadakan di Ipoh 3 Julai lalu, disusuli mesyuarat khas MT di Seri Perdana, Putrajaya 10 Julai dan mesyuarat MT di PWTC 21 Julai lalu.

Mesyuarat MT diadakan dua kali sebulan dan berdasarkan sistem pengiliran seperti diputuskan sebelum ini, tempat mesyuarat diadakan sekali di ibu negara dan kemudian di peringkat negeri.

Sumber memberitahu mesyuarat 26 Ogos itu yang akan dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara lain dijangka membincangkan soal meminda perlembagaan Umno bagi melicinkan lagi pentadbiran parti sebelum dibentangkan di perhimpunan agung khas yang tarikhnya belum ditetapkan.

Turut dijangka dibincangkan ialah isu politik semasa dalam negara. Mesyuarat MT pada 21 Julai lalu membincangkan dengan panjang lebar peristiwa rampasan senjata di Sauk.

Sumber itu berkata, ibu pejabat Umno sudah mula mengedar surat mengenai arahan bagi meminta bahagian membincangkan dulu isu berkaitan pindaan perlembagaan parti.

Katanya, tajuk perbincangan daripada aspek perlembagaan tidak dihadkan dan bahagian bebas untuk menyatakan aspek mana pindaan itu perlu dilakukan asalkan matlamatnya ke arah mengukuhkan parti serta melicinkan lagi pentadbiran.

(END)